

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI  
MALAM GEMERLAPAN FANTASIA 70'S SISWA-SISWI BARU SESI 2005/2006  
BERTEMPAT DI DEWAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA, KUALA  
PERLIS PADA 16 JULAI 2005.**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM...

ASSLAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA  
PUSTAKAWAN KUKUM,

YANG BERUSAHA ENCIK SHAMSHUL BAHAR YAAKOB, DEKAN HAL  
EHWAL PELAJAR KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI,

DAN PARA PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006  
SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANAHU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA, IZIN SERTA KELAPANGAN MASA DAN REZEKI YANG DIKURNIAKAN BUAT KITA SEMUA. SEMBAH DAN SALAM JUGA BUAT JUNJUNGAN BESAR, NABI MUHAMMAD S.A.W. DAN SELURUH KAUM KERABAT DAN SAHABAT BAGINDA.

SESUNGGUHNYA PADA MALAM YANG MULIAINI, KITA LANGSUNG SEKALI LAGI BERKUMPUL DI DALAM MAJLIS MALAM GEMERLAPAN FANTASIA 70'S SISWA-SISWI BARU SESI 2005/2006 DENGAN TEMA: 'MAHASISWA PEMANGKIN BERKETRAMPILAN' ANJURAN BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUKUM DENGAN KERJASAMA MAJLIS PENGHUNI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN DAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI JAWATANKUASA MALAM GEMERLAPAN FANTASIA 70'S DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUKUM SERTA MAJLIS PENGHUNI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN KERANA SEKALI LAGI TELAH BERGANDING BAHU, MENGARAP RENCANA, MENCANAI IDEA DAN SETERUSNYA MELANGSUNG KERJA BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN.

PARA PELAJAR SEKALIAN,

SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SAUDARA-SAUDARI SEMUA YANG TELAH BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITIINI. KUKUM BERASA AMAT BANGGA DAN BERBESAR HATI MENERIMA KEDATANGAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN SEBAGAI PELAJAR UNIVERSITIINI. KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU SAYA TADAHKAN.

SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG BAKAL MENGGANTIKAN TAMPUK PIMPINAN NEGARA, AMANAH YANG DIPIKUL HARUSLAH DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DEMI MENJAGA KEPENTINGAN DIRI, KELUARGA MASYARAKAT DAN NEGARA TERCINTA.

DENGAN ADANYA PROGRAM SEPERTI MALAM INI, IAITU “MALAM GEMERLAPAN FANTASIA 70 AN” KHAS UNTUK PELAJAR-PELAJAR BARU, ADALAH SANGAT BERPATUTAN DALAM MEREALISASIKAN IMPIAN NEGARA UNTUK MEMBUDAYAKAN BANGSA KITA AGAR TIDAK LAPOK DEK HUJAN TAK LEKANG DEK PANAS DAN DI SAMPING MENJADI SUNTIKAN SEMANGAT DALAM MENJALANI KEHIDUPAN SEBAGAI WARGA DI KUKUM SELEPASINI.

SAYA PASTI DI KALANGAN ANDA SEMUA BERBAKAT BUKAN SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIK, TETAPI JUGA BIDANG YANG PELBAGAI KERANA KUKUM BUKAN SAHAJA INGIN MELAHIRKAN PELAJAR YANG BERKEBOLEHAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN SAHAJA, MALAH BERPOTENSI DALAM PELBAGAI BIDANG. BERSESUAIAN DENGAN TEMA PROGRAM INI IAITU “MAHASISWA PEMANGKIN BERKETRAMPILAN”.

PADA DASARNYA, PERTANDINGAN YANG SEBEGINI ADALAH TIDAK PENTING, TETAPI USAHASAMA, KERJASAMA, INTERGRITI ANTARA KAUM SERTA KEPIMPINAN ANTARA PELAJAR YANG DITUNJUKKAN TERHADAP MAJLIS INI ADALAH PENTING WAIMA DENGAN IKATAN YANG TELAH TERJALIN SEMENJAK MINGGU ORIENTASI LAGI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. DI HARAP KERJASAMA YANG SEBEGINI AKAN DAPAT BERTERUSAN DARI MASA KE SEMASA.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI  
MERASMIKAN PROGRAM “MALAM GEMERLAPAN FANTASIA 70’AN INI.  
SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH  
WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARKATUH.